

Biasiswa, sekolah berasrama penuh utamakan B40

KUALA LUMPUR: Pemberian biasiswa dan pendidikan sekolah berasrama penuh akan mengutamakan golongan berpendapatan rendah sejajar prinsip keadilan sosial dan memberi peluang saksama khususnya melibatkan pemberian bantuan yang lebih kepada golongan terpinggir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau memegang kepada prinsip bahawa hanya melalui pendidikan berkualiti rakyat berupaya mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

“Pengalaman saya sewaktu

Menteri Pendidikan dahulu adalah dengan mewujudkan sebuah sekolah di Cheras bagi membantu pelajar miskin. Saya memegang pada prinsip bahawa hanya melalui pendidikan berkualiti rakyat berupaya dikeluarkan daripada belenggu kemiskinan,” katanya dalam Majlis Peluncuran Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata, kerajaan akan terus menyediakan persekitaran sekolah yang selesa dan kemudahan terbaik menerusi penambahan peruntukan, me-

mudahkan tatacara perolehan serta menurunkan kuasa pelaksanaan untuk mempercepat pelaksanaan projek sekolah dan menambah sekolah daif.

Selain itu, kata Anwar, kerajaan melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menyediakan peruntukan sebanyak RM42 juta bagi Program Bina Kerjaya iaitu program peningkatan kemahiran untuk pekerja tidak formal termasuk pekerja gig dengan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke bawah.

Hal ini kerana katanya, sis-

tem pendidikan negara perlu lebih berminda permintaan iaitu dalam mengeratkan kerjasama dengan industri dan majikan terutamanya pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) seperti pernah dilaksanakan di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC).

Pada masa sama Perdana Menteri memberitahu, melonggarkan syarat Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) serta memudahkan cara kemasukan pelancong secara VOA (Visa on Arrival) antara dilakukan kerajaan ke

arah menyokong pertumbuhan ekonomi dan penyampaian perkhidmatan awam.

Beliau memaklumkan, kerajaan akan menubuhkan GovTech Malaysia dengan meningkatkan

keupayaan kerajaan untuk menerajui usaha meningkatkan kualiti data awam, inovasi awam, dan perkhidmatan awam dengan urusan seharian dipermudah dan di hujung jari sama ada untuk membayar bil, memfailkan cukai, atau memperbaharui pasport dan lesen dilaksanakan secara dalam talian.